

HOMILI PEMBUKAAN JUBLI HARAPAN TAHUN 2025

29^{HB} DISEMBER 2024 | KATEDRAL ROH KUDUS, PULAU PINANG

PARA PENZIARAH HARAPAN – GETARAN PENGHARAPAN | HIDUPILAH HARAPAN!

1. Ada satu kisah yang ingin saya kongsi mengenai HARAPAN, dan bersama saya, ada tiga peribadi yang membantu dan menyertai saya dalam menceritakan kisah ini. Tiga peribadi tersebut adalah Malaikat Agung Gabriel, Roh Kudus, dan seorang bakal santo, iaitu Carlo Acutis. Anugerah Ilahi bagi HARAPAN tidak akan pernah berhenti, pasti mengatasi ketakutan, tidak berputus asa, malah sentiasa hidup!
2. Keluarga Kudus yang pestanya kita sambut hari ini adalah suatu teladan PENGHARAPAN. Cabaran dan ketidakpastian yang dialami oleh Bonda Maria, Yusuf, dan Yesus sepanjang kehidupan mereka di bumi adalah gambaran HARAPAN yang jelas dan radikal! Ini kerana mereka juga adalah penziarah HARAPAN.

Apakah yang perlu kita lakukan supaya HARAPAN itu tetap hidup? Terutamanya apabila kita selalu dihujani dengan berita tentang perpecahan, peperangan, bencana alam, dugaan harian, beban kewangan, ketidakpastian akan masa depan, pergelutan dengan ketagihan, konflik dalam keluarga, ketidakpastian dalam pekerjaan, rasuah, penyakit, krisis dalam panggilan hidup dan perjuangan harian kita melawan dosa. Semua itu dan banyak hal lain kadangkala menimbulkan keraguan dalam diri kita dan menghalang kita dari mengekalkan HARAPAN HIDUP.

3. Namun pada hari ini, Paus Fransiskus, Roh Kudus, dan saya, Uskup kamu, ingin mengajak kamu untuk memulakan ziarah sebagai seorang penziarah HARAPAN bermula pada **29 Disember 2024** dan menyempurnakannya pada **28 Disember 2025** dengan semangat pembaharuan; baik secara individu dan juga bersama seluruh Gereja Katolik di seluruh dunia. Diantara permulaan dan penyempurnaan ziarah ini, biarkanlah Roh Kudus memberi kejutan kepada kamu.

DIPANGGIL OLEH ROH KUDUS UNTUK BERTAUBAT

4. Seperti yang dibentangkan oleh Sinod Para Uskup di Rome pada Oktober tahun ini, satu langkah permulaan ziarah PENGHARAPAN adalah dengan PERTAUBATAN. Apakah itu Pertaubatan? Secara ringkasnya, ia adalah bertaubat dan percaya kepada Injil - sebagaimana yang diberitahu oleh Yohanes Pembaptis, Yesus Kristus, Santo Petrus, dan Santo Paulus. Inilah kunci untuk memulakan dan menyempurnakan ziarah ini.

Jubli HARAPAN ini mungkin menjadi suatu masa yang dipenuhi aktiviti dan gangguan serta berakhir dengan kegagalan. Namun dalam Lukas 3:10, apabila orang ramai bertanya kepada Yohanes Pembaptis, *“Apa yang harus kami lakukan”* untuk bertaubat dan percaya kepada Injil? Jawapan Yohanes amatlah ringkas tetapi mengejutkan, katanya, *“Sesiapa yang mempunyai dua helai baju hendaklah memberi kepada orang yang tidak mempunyai baju, dan sesiapa yang mempunyai makanan hendaklah berkongsi dengan orang yang memerlukannya.”* Demikian dalam Kisah Para Rasul 26:20, yang mana Santo Paulus berkata bahawa orang harus menunjukkan bukti pertaubatan mereka. Pertaubatan dan penyesalan bukanlah suatu ideologi dan juga sesuatu yang rumit. Ia mudah. Melalui kisah Anak yang Hilang dan Bapa yang

Pemurah, kami - Paus Fransiskus, Roh Kudus, dan saya, mengajak kamu untuk melakukan ziarah dari lumpur di sebuah ladang babi dan pulang ke rumah Bapa.

HUBUNGAN ANTARA IMAN, HARAPAN, DAN KASIH

5. Dalam ziarah ini, kamu akan menemui hubungan antara Iman, Harapan, dan Kasih. Ketiga-tiganya adalah anugerah Roh Kudus. Mulakan ziarahmu dengan memohon daripada Roh Kudus untuk anugerah Iman dan Harapan agar dapat kembali ke rumah. Selepas itu, kasih akan menyusul apabila kamu kembali ke rumah.
6. Sedarilah bahawa Harapan juga berkait rapat dengan **Masa Depan**. Harapan membolehkan kita berhasratkan sebuah mimpi dan melihat masa depan dimana Karya Tuhan bagi ciptaan-Nya, umat-Nya dan Gereja-Nya ditunjukkan kepada kita. Harapan tidak akan menetap dan tinggal di masa lalu. Ia meninggalkan lumpur di ladang babi dan bergerak ke rumah dimana Seseorang sedang menanti untuk menyambutmu dengan gembira. Dengan melihat masa depan akan rancangan Tuhan ini, kita dapat sepenuhnya memasuki serta dengan berani menghadapi segala bahaya, risiko, dan cabaran yang wujud pada masa ini, lalu terus maju ke hadapan. Pergerakan untuk maju ke-hadapan ini mempunyai fokus yang terutama dan mutlak. Ia berdasarkan Janji Akhir oleh Yesus Kristus sendiri bahawa Dia tidak akan meninggalkan kita, tetapi akan datang kembali pada akhir masa untuk membawa kita pulang ke Rumah Surgawi kita. Janji tentang masa depan yang muktamad itu akan memenuhi kita dengan Iman dan Harapan untuk sepenuhnya merangkul masa kini dan menjadi Murid Misionari bagi Sukacita, Kerahiman, dan Harapan.

MENJADI PENZIARAH SUKACITA, KERAHIMAN, DAN HARAPAN

7. Kami mengajak kamu untuk menjalani ziarah ini bermula dari KEPALA (*pemikiran*) (ke) - telinga (*pesanan*) dan mata (*visual*) lalu pergi kepada HATI, iaitu dengan refleksi seperti yang dilakukan oleh Bonda Maria. Dari hati, teruskan ziarah itu ke TANGAN dan KAKI-mu (*iman dalam perbuatan*). Ziarah ini akan melibatkan semua yang ada pada kamu - iaitu tubuh, jiwa, dan roh.

8. Kami; Paus Fransiskus, Carlo Acutis, dan saya sendiri juga ingin menyampaikan sesuatu kepada para orang muda. Kami mahu mengajak kamu untuk memulakan ziarah HARAPAN secara maya. Gunakanlah kemudahan internet dengan berani dan jadilah misionaris digital, dengan berkongsi kisah-kisah PENGHARAPAN dengan satu sama lain. Hanya sedikit peringatan mesra, lakukan itu dengan sungguh-sungguh! Ada masanya kamu harus pergi dan melakukan ziarah HARAPAN ini secara fizikal, baik bersendirian atau bersama rakan-rakan kamu, sambil membawa telefon pintar kamu.

Maka, kami mengutus kamu, yang muda dan tua, yang sihat dan sakit, orang-orang suci dan para pendosa, para rasul dan murid, termasuklah kanak-kanak, untuk memulakan Ziarah Harapan hari ini, **29 Disember 2024** hingga **28 Disember 2025** dengan berkat Tritunggal Kudus - Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

“MARANATA!”